

01/07/2002

Prestasi, masa depan BSKL kukuh: Maybank

Shamsul Kamal Amaruddin

MALAYAN Banking Bhd (Maybank) yakin terhadap masa depan prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berikutan asas ekonomi negara yang kukuh dan perkembangan dalam pasaran modal baru-baru ini.

Pengerusi Kumpulan Perbankan Pelaburan Maybank, Agil Natt, berkata kejatuhan di BSKL pasaran awal minggu lalu lebih disebabkan oleh pengaruh isu skandal kewangan Worldcom Inc.

Selain itu katanya, sedikit ketidakpastian juga dirasakan berhubung isu pengumuman pengunduran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kumpulan Perbankan Pelaburan Maybank dianggotai Aseambankers Malaysia Bhd, Mayban Securities Sdn Bhd, Mayban Discount Bhd, Mayban Investment Management Sdn Bhd, Mayban Ventures Sdn Bhd dan Mayban Futures Sdn Bhd.

Bercakap pada majlis taklimat di Kota Kinabalu, kelmarin, Agil berkata, sebenarnya masih wujud banyak faktor yang menjadikan Malaysia destinasi pelaburan menarik.

"Ia termasuk asas ekonomi yang meluas, suasana perniagaan yang mesra, masyarakat usahawan yang semakin berkembang dan pembangunan prasarana yang dinamik.

"Keupayaan menjana tukaran asing, sistem bagi memastikan kemudahan menukar mata wang serta sistem perbankan dan kewangan yang dikawal selia dengan baik juga menambah potensi," katanya.

Agil berkata, kepesatan pasaran, khususnya penyenaraian Maxis dan Plus menjadi petanda baik kerana ia boleh meningkatkan sentimen pasaran menerusi pengubahsuaian komponen Indeks Komposit (IK).

Ketika ini, Maybank, Tenaga Nasional Bhd dan Telekom Malaysia Bhd, masing-masing menyumbang 10.4 peratus, 9.9 peratus dan 8.8 peratus kepada wajaran IK.

Agil berkata, selepas pengubahsuaian komponen saham IK, wajaran Plus dijangka pada purata 4 peratus dan Maxis 3.6 peratus, manakala Maybank, Tenaga Nasional dan Telekom masing-masing berkurangan kepada 9.3, 8.9 dan 7.7 peratus.

"Oleh itu, kesan sebarang penjualan saham Maybank, Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional juga kurang kerana wajaran masing-masing di BSKL boleh dikurangkan," katanya.

Ditanya mengenai sentimen pengurus dana asing terhadap BSKL, Agil berkata, tinjauan baru-baru ini mendapati mereka menambah pelaburan di Malaysia.

"Pengurus dana ini mencari pasaran yang menarik nilainya. Saya rasa mereka membuat kesimpulan bahawa Malaysia menawarkan nilai yang baik pada harga semasa," katanya.